

**MEMBINA INSAN
CEMERLANG PADA ZAMAN
SIBER**

PENYERTAAN

Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga Fakulti Perubatan UKM, HUKM dan UKM Kampus Kuala Lumpur

ATURCARA

- 12:00 th : Pendaftaran
- 12.30 th : **Kuliah 1:** Membina ketahanan diri melalui penghayatan Hukum Pembelajaran
- Prof. Madya Dr. Alini Marzuki
- 1.30 th : Makan tengah hari dan solat zohor
- 2.15 ptg: **Kuliah 2:** Konsep Khalifah
- Pn Badariah Ismail
- 3.00 ptg : **Kuliah 3:** Pengaruh Positif Terarah dalam Kaedah Khalifah
- Prof. Madya Dr. Yasmin Anum Mohd Yusof
- 3.45 ptg: Sesi soal jawab
- 4.00 ptg: Bersurai



KELAB WANITA, UKM

**SEMINAR
KELUARGA**

**TEMA: MEMBINA INSAN
CEMERLANG PADA ZAMAN
SIBER**

Anjuran:

**Kelab Wanita UKM,
Gugusan Kesihatan**

Tarikh:

17 November 2006

Masa:

12.00 thari – 4.00 petang

Tempat:

**Dewan Kuliah 1
Fakulti Perubatan, UKM
HUKM**

Jalan Yaacob Latif

Bandar Tun Razak, Cheras

PERSPEKTIF ISU

Masyarakat menghadapi masalah dan cabaran yang sangat hebat pada masa sekarang untuk membesarkan anak-anak yang cemerlang dalam ertikata yang sebenarnya iaitu berjaya dalam dunia moden dari segi akademik di samping memegang teguh amalan dan cara hidup Islam.

Pengaruh globalisasi dan kesan dunia tanpa sempadan memesonkan pemikiran anak-anak kita secara sedar dan tanpa sedar sehingga nilai kemanusiaan menjadi kabur dan mereka tidak dapat membezakan antara yang buruk dan yang baik. Pengaruh ini jika tidak dibendung dan dicegah dari awal boleh mengakibatkan keruntuhan akhlak dan bermacam-macam lagi gejala sosial seperti yang berlaku pada masa sekarang.

Oleh itu ibu bapa, perlu melengkapkan diri dengan ilmu yang berkesan untuk menangani gejala ini.

Seminar ini bertujuan untuk memberi suatu pendekatan mudah dan berkesan untuk mencemerlangkan keperibadian kanak-kanak dan remaja. Pengetahuan dan teknik yang akan dibentangkan adalah sangat berkesan dan jika diamalkan secara berterusan boleh membantu kita mendidik dan membimbing anak-anak menjadi seorang insan yang berjaya dunia dan akhirat.

OBJEKTIF SEMINAR

1. Memahirkan keluarga dengan kaedah keibubapaan yang mudah, praktikal dan logikal untuk membantu mereka di dalam membesarkan anak-anak dengan lebih berkesan.
2. Membantu keluarga untuk memantapkan penghayatan Islam di dalam diri anak-anak supaya mereka dapat membesar dan memegang teguh amalan dan cara hidup Islam.
3. Meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan ahli keluarga mengenai Hukum Pembelajaran dan aplikasinya dalam membina ketahanan diri anak-anak apabila berdepan dengan pengaruh sosial.
4. Melahirkan keluarga yang hidup dalam suasana kekeluargaan yang penuh dengan kemesraan dan kasih sayang.
5. Melahirkan masyarakat yang lebih peka terhadap keperluan membesarkan anak-anak melalui komunikasi positif.
6. Mencapai penyelesaian jangka panjang kepada masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat dewasa ini apabila setiap keluarga berubah ke arah kecemerlangan spiritual, akhlak dan ilmu.

BORANG PENYERTAAN DAN PENDAFTARAN

Penyertaan seminar adalah **PERCUMA**

Terhad kepada 50 orang pertama sahaja

Sijil Penyertaan akan diberikan kepada peserta

Peserta perlu mendaftar awal untuk memastikan makanan tengah hari yang mencukupi

Nama : _____

Jabatan : _____

Tel/HP: _____

E-mail : _____

Tandatangan: _____

Penyertaan tuan/puan boleh dibuat dengan menghantar borang penyertaan melalui email atau menelefon sebelum 14 November 2006 sebagaimana tertera di bawah :

Pn. Aini-Ardena Mohd Mustapha

Email : ardena@mail.hukm.ukm.my

Tel: 03-91703760

Pn. Rosnah Abd Manaf

Email: vina@mail.hukm.ukm.my

Tel: 03-91702108